

TERMA RUJUKAN

**GERAN PENYELIDIKAN
BITARA UNIVERSITI
(BITARA@PTJ)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Unit Pengurusan Penyelidikan (UPP)
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

1.0 OBJEKTIF

1.1 Objektif Terma Rujukan Geran Penyelidikan Bitara Universiti (Bitara@PTj) ini adalah untuk memberikan maklumat berkaitan pengurusan geran dan lain-lain perkara berkaitan penyelidikan ini. Ia merupakan sumber rujukan kepada kakitangan akademik, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), pegawai yang terlibat dalam pengurusan penyelidikan dan Jawatankuasa Penyelidikan di fakulti, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.

1.2 Geran Bitara@PTj ini ditawarkan untuk mengenal pasti strategik jangka panjang dan pendek, merencana perancangan strategi dan menilai keberkesanan intervensi/strategi/kaedah/cara-cara bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh PTj. bagi:

- 1.2.1 mengukuhkan jati diri dan ukhwah dalam kalangan warga UPSI bagi menjamin kelancaran pengurusan pentadbiran PTj / jabatan serta memenuhi KPI universiti.
- 1.2.2 membentuk governan yang dinamik dalam merancang, mengurus dan memantau pengurusan setiap PTj / jabatan bagi memastikan agenda universiti tercapai dengan berkesan.
- 1.2.3 menambahbaik pengetahuan, hubungan dan komunikasi dalam organisasi bagi mengukuhkan nilai teras organisasi dan masyarakat.

2.0 SYARAT PERMOHONAN

2.1 Geran ini ditawarkan kepada semua kakitangan akademik bertaraf tetap dan kontrak dengan keutamaan diberikan kepada kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran di fakulti/PTj yang menerima bayaran elaun khas pentadbiran bagi jawatan pentadbiran akademik.

2.2 Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik hendaklah berbaki sekurang- kurangnya satu (1) tahun daripada tarikh tutup geran.

2.3 Kakitangan akademik yang bercuti belajar, bercuti sabatikal, bercuti sangkutan, bercuti pasca kedoktoran (dalam dan luar negara) melebihi tempoh enam (6) bulan tidak dibenarkan membuat permohonan GPU yang baharu. Walau bagaimanapun, kakitangan akademik tersebut boleh menjadi penyelidik bersama dalam kumpulan penyelidikan.

2.4 Kakitangan akademik yang dianugerahkan geran ini boleh memohon mana-mana geran GPU yang ditawarkan pada tahun semasa.

2.5 Bilangan penyelidik bersama adalah mengikut kesesuaian. Penglibatan penyelidik antarabangsa dan industri adalah sangat digalakkan.

2.6 Penyelidik bersama juga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang kakitangan akademik UPSI bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan fakulti/pusat tanggungjawab yang sama.

2.7 Kakitangan akademik boleh menjadi penyelidik bersama kepada mana-mana projek penyelidikan GPU tertakluk kepada keperluan kepakaran dalam bidang berkaitan.

2.8 Ketua penyelidik dan penyelidik bersama perlu mematuhi etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Penyelidikan yang melibatkan sampel manusia perlu mendapatkan kelulusan Etika Penyelidikan Manusia dan perlu dilaporkan dalam Laporan Kemajuan 1.

3.0 SKOP PENYELIDIKAN

3.1 Mengenal pasti strategik jangka panjang dan pendek dengan memperhalusi peranan PTj dalam mendepani cabaran masa hadapan dan kekal relevan.

3.2 Merencana perancangan strategi yang boleh dilaksanakan bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh PTj.

3.3 Menilai keberkesanan intervensi / strategi / kaedah / cara-cara bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh PTj.

4.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan minimum tiga (3) bulan dan maksimum adalah dua puluh empat (24) bulan.

5.0 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dimohon hendaklah berpadanan dengan proposal penyelidikan (honest budget) yang dikemukakan dan tertakluk kepada kecukupan dana. Minimum dana penyelidikan adalah RM5,000.00 dan nilai maksimum dana tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelidikan dan Inovasi Universiti (MJKPIU) atau Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (MJPIU).

6.0 HASIL PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan ini, penyelidik diwajibkan untuk menghasilkan sekurang- kurangnya perkara-perkara seperti berikut:

6.1 Satu (1) laporan akhir projek penyelidikan

6.2 Satu (1) artikel jurnal berindeks sekurang-kurangnya MyCite (accepted)

6.3 Harta Intelek. Satu (1) harta intelek (mana-mana satu (1) daripada senarai di bawah):

- Paten
- Trademark
- Industrial Design
- Geographical Indication
- Copyright
- Layout Design
- Trade Secret

6.4 Satu (1) pembentangan kepada pengurusan Fakulti / PTj / dan pihak yang berkepentingan.

6.5 Satu (1) penulisan ringkas berkaitan penyelidikan yang dijalankan bagi disebarluas dalam akhbar/majalah.

6.6 Lain-lain hasil penyelidikan yang dipersetujui dalam Mesyuarat MJKPIU / MJPIU / Fakulti / Pusat Tanggungjawab.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

7.1 Setiap projek penyelidikan adalah menggunakan peruntukan daripada Akaun Amanah Fakulti tertakluk kepada kecukupan dana Fakulti dan peruntukan Akaun Induk Geran Penyelidikan Universiti bagi Fakulti yang tidak mempunyai dana yang cukup.

7.2 Penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan mengikut keperluan cadangan penyelidikan.

7.3 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan berdasarkan kelulusan MJPIU.

7.4 Penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.

7.5 Garis Panduan Kewangan Universiti semasa adalah terpakai bagi geran Geran Bitara@PTj ini.

7.6 Semua kos hasil penyelidikan (termasuk pendaftaran harta intelek WAJIB dimasukkan dalam bajet penyelidikan)

8.0 PENILAIAN DAN KELULUSAN

8.1 Cadangan penyelidikan perlu melalui proses penilaian di peringkat fakulti dan diperakui di JK 4P Fakulti sebelum dikemukakan kepada RMIC untuk penyelarasan.

8.2 Permohonan yang telah dinilai akan diperakukan oleh MJKPIU dan diluluskan oleh MJPIU.

8.3 Surat kelulusan dikeluarkan setelah pemohon bersetuju menerima tawaran dan melengkapkan Borang Aku Janji Penyelidikan.

8.4 Keputusan penilaian geran adalah muktamad.

9.0 PEMANTAUAN

9.1 Laporan Akhir

Bagi penyelidikan yang lebih daripada satu (1) tahun, Ketua Penyelidik perlu mengemukakan laporan akhir dengan mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.

9.2 Dokumen yang perlu dikemukakan semasa penghantaran laporan akhir adalah seperti berikut:

- 9.2.1 Satu (1) laporan akhir projek penyelidikan (5-10 muka surat) mengikut format yang ditetapkan dalam bentuk salinan keras (hardcopy) dan salinan lembut (softcopy) format PDF.
- 9.2.2 Semua bukti hasil penyelidikan dalam Perkara 6.0.
- 9.3 Kegagalan penyelidik mengemukakan laporan kemajuan, laporan akhir dan hasil penyelidikan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyelidikan Universiti Pindaan 2021.

10.0 KAEDAH PERMOHONAN

Proses kerja penawaran adalah mengikut proses kerja semasa (Sila rujuk lampiran).

11.0 CARTA PERBATUAN PENYELIDIKAN

11.1 Tempoh permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kecukupan dana RMIC/ Tabung Amanah fakulti/PTj atau projek one-off masing-masing.

11.2 Penilaian peringkat universiti akan dilaksanakan tiga (3) kali setahun iaitu pada minggu pertama bulan April, Ogos dan Disember.

12.0 TANGGUNGJAWAB

12.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) berperanan dalam proses penilaian permohonan kajian; menyelaras dan mengawal selia permohonan dan pemantauan penyelidikan.

12.2 RMIC berhak menolak sebarang proposal yang berunsurkan pengubahsuaian, plagiat dan pengulangan. Setiap proposal yang dihantar akan disemak Indeks Persamaan (Similarity Index) menggunakan perisian Turnitin, sekiranya perlu.

12.3 Ketua Penyelidik perlu memahami terma rujukan kajian sebelum memohon dan memastikan kajian berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi.

12.4 Penyelidik bersama perlu menjalankan kajian yang telah diluluskan dan berperanan dalam membantu mencapai objektif dan hasil/output kajian mengikut masa yang ditetapkan.